



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LANGKAH–LANGKAH UNTUK MEMBANTU
PERUSAHAAN MIKRO KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)
DAN
PEKERJA TEMPATAN DI SEKTOR SWASTA**

Tarikh: 28hb. Mac 2020

1. Merujuk Siaran Akhbar Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa sidang media pada hari Sabtu lepas, 21hb Mac 2020 mengenai dengan langkah-langkah *interim* Kerajaan bagi mendukung beberapa sektor swasta tertentu dalam menangani cabaran-cabaran sejak negara kita dilanda wabak COVID-19 pada 9hb Mac 2020 yang lalu.
2. Negara pada masa ini adalah turut terkesan hasil dari penularan wabak COVID-19, ini termasuklah keadaan ekonomi negara pada masa ini. Dalam hubungan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri, Darussalam Enterprise (DARe) telah membuat penilaian lanjut mengenai situasi perniagaan dan pasaran kerja (*labor market*).

3. Hasil dari perundingan dan penilaian tersebut, MOFE dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun mengurniakan titah perkenan bagi melaksanakan beberapa langkah **tambahan** yang memberikan keutamaan kepada tiga objektif seperti berikut;

3.1 Objektif pertama adalah untuk mendukung sektor swasta yang terkesan disebabkan wabak COVID-19;

3.2 Objektif kedua adalah untuk terus menjana pekerjaan;

3.3 Objektif ketiga adalah bagi menjaga kestabilan pekerjaan (job security) bagi melindungi kesejahteraan pekerja anak tempatan khususnya di sektor swasta di Negara Brunei Darussalam.

4. PERTAMA; Mendukung inisiatif pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) khususnya *upskilling* dan *reskilling* bagi anak tempatan kearah mendukung pertumbuhan sektor swasta.

Pada masa ini, memandangkan aktiviti-aktiviti perniagaan adalah terjejas akibat wabak COVID-19, syarikat-syarikat adalah dipelawa untuk mengambil peluang bagi meningkatkan kemahiran termasuk *upskilling* atau *reskilling* pekerja yang terdiri dari anak-anak tempatan, kearah itu, MPEC telah menyediakan latihan-latihan tertentu seperti

latihan dalam talian (*online training*) dan juga *hands on training*, samaada latihan berkenaan adalah berupa keperluan masa kini atau sebagai langkah untuk meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia (*capacity building*).

Ini termasuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat pembekal teknologi maklumat (IT) bagi menyediakan program-program seperti *programming*, *data analytic* dan sebagainya yang akan membantu negara ini menuju kearah *Industrial Revolution 4.0*; Menyediakan latihan seperti *reskilling* dan *upskilling* kepada *Tour Guides* tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Menyediakan latihan-latihan untuk mereka yang berminat dalam sektor permakanan dan minuman (*food and beverages*).

Mereka yang berminat untuk mendapatkan kemudahan ini bolehlah menghadapkan permohonan kepada pihak Sekretariat Tetap MPEC, Jabatan Perdana Menteri melalui emel: mpec@jpm.gov.bn.

Dalam pada itu juga, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Darussalam Enterprise (DARE) telah meningkatkan peruntukan dalam menyediakan latihan *Industry Business Academy* secara dalam talian (*online training*) yang ditaja sepenuhnya oleh DARE bermula pada hari ini, Sabtu, 28hb Mac 2020 melalui *Coursera* yang boleh dilayari melalui laman

web www.dare.gov.bn. *Coursera* adalah satu platform yang dikendalikan oleh pakar-pakar perniagaan antarabangsa yang juga mengendalikan kursus-kursus di Universiti-Universiti yang terkemuka di seluruh dunia. Platform berkenaan ada menyediakan lebih dari 300 kursus yang berkaitan dengan hal ehwal perniagaan seperti pemasaran dan penjualan, kewangan dan perakaunan, inovasi dan rekaan serta *data analytic*.

5. KEDUA; Bantuan untuk Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) menyertai *e-commerce platform* bagi *business matching* yang lebih berkesan.

Sepertimana yang saya maklumkan semasa sidang media pada 21hb. Mac 2020 yang lalu iaitu bantuan keatas Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menyertai *e-commerce platform* bagi *business matching* yang lebih berkesan dan untuk mengekalkan perniagaan mereka dengan lebih berdayatahan dan berdayasaing.

Sukacita dimaklumkan bahawa *e-commerce platform* tersebut akan mula dibukakan kepada para peniaga bermula hari Rabu, 1hb April 2020 yang boleh dilayari melalui laman web www.dare.gov.bn dan www.aiti.gov.bn. *Platform* ini adalah bertujuan untuk memberikan *alternative* kepada para peniaga untuk memasarkan barangan mereka secara dalam talian (online). Ini termasuklah pembayaran secara online dan

logistic provider bagi penghantaran barang-barang yang berkenaan.

Para peniaga bolehlah menghubungi melalui emel info@dare.gov.bn atau melalui talian telefon bernombor 8363442 (semasa waktu bekerja) untuk sebarang maklumat lanjut mengenainya.

6. KETIGA; Menyediakan *Co-Matching Grant*, bagi perniagaan perkhidmatan e-Commerce dan perkhidmatan logistik.

Pihak Darussalam Enterprise juga akan meningkatkan jumlah grant berkenaan bagi memperluaskan lagi usaha untuk melaksanakan inisiatif *Co-Matching Grant* ini. Ini adalah bagi membantu para peniaga untuk menambahbaik dan mempersiapkan diri dalam menghadapi situasi pada masa kini dan akan datang.

7. KEEMPAT; Memberikan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan kebawah, selama 3 bulan.

Pemberian subsidi ini adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban kepada Perusahaan Mikro Kecil dan

Sederhana (PMKS) khususnya kepada pekerja-pekerja tempatan yang menerima gaji pokok sebulan BND1,500 dan kebawah; dan mencarum dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP). Selaras dengan objektif kerajaan untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan ini, dipohonkan kerjasama kepada syarikat-syarikat untuk menghadapkan borang permohonan yang telah lengkap diisikan melalui email kepada payments@tap.com.bn. Borang tersebut boleh di muat turun melalui laman web www.tap.com.bn bermula 1hb April 2020.

8. KELIMA; Peniadaan sewa bangku bagi Tamu, Pasar dan Gerai yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tempoh enam (6) bulan

Bermula bulan Mac 2020, sewa bangku bagi Tamu, Pasar dan Gerai yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah ditiadakan yang bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan kepada pengusaha-pengusaha yang berkenaan.

9. KEENAM; Melaratkan Program Perantisan I-Ready ke peringkat *Diploma Level 5* (HND atau Advanced Diploma) dan *Technical and Vocational Education Training* (TVET).

Pada masa ini, program perantisan i-Ready hanya dibukakan kepada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Keatas sahaja. Walaubagaimanapun, program ini adalah dilaratkan kepada dua peringkat tambahan lagi iaitu peringkat Diploma menurut *Brunei Darussalam Qualification Framework* (BDQF) Level 5 (HND atau Advanced Diploma) atau sebanding dengannya, dan peringkat *Technical and Vocational Education and Training* (TVET), *BDQF level 2* hingga 4.

Program perantisan bagi ketiga-tiga peringkat pendidikan yang saya nyatakan tadi adalah untuk tempoh selama 18 bulan sahaja berbanding dengan 36 bulan sebagaimana yang berjalan pada masa ini. Dengan perubahan ini, ianya akan membuka banyak peluang kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan untuk mengikuti program-program yang dimaksudkan.

Dalam pada itu, semasa mereka menjalani program berkenaan, Kerajaan akan membiayai elaun perantis bagi tempoh 18 bulan mengikut kadar yang ditetapkan iaitu BND 800 sebulan bagi Ijazah Sarjana Muda dan Keatas (*sebagaimana jumlah yang diterima pada masa ini*), BND 600 sebulan bagi Diploma (Level 5) dan BND 400 sebulan bagi Technical and Vocational Education Training (TVET). Selain daripada itu, pihak Kerajaan juga akan membiayai caruman TAP dan SCP bagi pihak syarikat-syarikat yang berkenaan.

Seterusnya, syarikat-syarikat swasta yang berhasrat untuk mengikuti Program Perantisan i-Ready bagi ketiga-tiga peringkat pendidikan tersebut adalah dikehendaki untuk membiayai *top up* dengan kadar minima yang telah ditetapkan iaitu BND 400 sebulan bagi Ijazah Sarjana Muda dan Keatas, BND 300 sebulan bagi Diploma (Level 5) dan bagi Technical and Vocational Education Training (TVET) bermula bulan ke-11 tempoh perantisan di syarikat berkenaan.

10. KETUJUH; Peningkatan portal Job Centre Brunei (JCB)

Kearah meningkatkan keberkesanan dalam pengisian jawatan-jawatan yang diiklankan, Portal Job Centre Brunei (JCB) yang akan mempunyai beberapa fungsi-fungsi baru antara lainnya seperti;

- i. Job Matching (*Pemadanan jawatan*) ke pencari kerja tempatan secara automatik dimana mereka boleh menerima notifikasi mengenai jawatan-jawatan baru yang diiklankan mengikut kesesuaian dan minat pencari kerja tempatan tersebut;
- ii. Pencari kerja tempatan akan menerima status permohonan mereka secara *real time*, dimana mereka bolehlah membuat susulan kepada pihak syarikat;

- iii. Menyediakan laporan mengenai keserasian pencari kerja tempatan berasaskan kriteria-kriteria jawatan berkenaan dimana perkara ini adalah dilaksanakan secara automatik dengan menggunakan *algorithm* dan *probability scanning* yang boleh digunakan oleh pihak Kerajaan dan pihak Swasta; dan
- iv. Syarikat boleh mendapatkan maklumat *Talent Profile* yang lebih komprehensif.

Semua kemudahan yang disediakan melalui portal ini tidak akan dikenakan sebarang bayaran. Para syarikat dan pencari kerja tempatan yang belum berdaftar dengan Job Centre Brunei (JCB) adalah disarankan untuk berbuat demikian melalui laman web www.jobcentrebrunei.gov.bn.

11. KELAPAN; MPEC akan terus bekerjasama dengan pihak syarikat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai unjuran keperluan tenaga manusia.

Ini adalah khusus bagi jenis perniagaan yang dikenalpasti akan memerlukan penambahan tenaga kerja seperti perniagaan e-Commerce atau berunsurkan atas talian (online), keselamatan (*security services*), *cleaning services*, pembuatan (*manufacturing*) dan penghantaran (*delivery*).

Pihak JCB akan membantu dalam memudahcara pengisian mana-mana keperluan tenaga manusia dengan menyediakan perkhidmatan seperti penghantaran *SMS* kepada pencari-pencari kerja tempatan, menyediakan *talent pool* untuk kegunaan syarikat-syarikat serta mengadakan platform temuduga secara *virtual*. Hasil dari usaha ini beberapa buah syarikat telah menunjukkan minat untuk memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Untuk keterangan lanjut para syarikat dan pencari kerja tempatan yang berminat bolehlah menghubungi pihak JCB di:

Talian: +673 8239933

Emel: Jobcentrebrunei@jpm.gov.bn

Laman Web: www.jobcentrebrunei.gov.bn.

12. Akhir sekali, sepertimana yang saya pernah sampaikan dalam sidang-sidang media yang lalu dan dalam menangani cabaran-cabaran yang sedang dilalui oleh syarikat-syarikat pada masa ini, adalah juga disarankan kepada pihak swasta untuk memainkan peranan masing-masing untuk membantu pihak Kerajaan mencapai usaha-usaha yang telah digariskan.
13. Saya juga menyeru dan mengingatkan kepada para syarikat untuk tidak memberhentikan pekerja anak-anak tempatan dan tidak melambatkan pembayaran gaji mereka. Pencari

kerja tempatan juga adalah disarankan untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang ada.

14. Inisiatif-inisiatif yang saya nyatakan diatas kecuali inisiatif kelima iaitu *Peniadaan sewa bangku bagi Tamu, Pasar dan Gerai yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri* akan mula dilaksanakan pada hari Rabu, 1hb April 2020.

Sekian terima kasih.